

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 APRIL 2016

Wan Azizah enggan ikut kempen Mahathir

BH-5/4/2016

» **Ketua
Pembangkang
belum bersedia
bertemu
bekas PM
pecat Anwar**

Oleh Mohd Azrone Sarabatin,
Petah Wazzan Iskandar
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menolak untuk menyertai kempen Selamatkan Malaysia yang dipelopori Tun Dr Mahathir Mohamad bersama pemimpin pembangkang.

Dr Wan Azizah juga masih enggan bertemu dengan Dr Mahathir, seolah-olah menggambarkan beliau belum bersedia untuk memaafkan bekas Perdana Menteri itu.



“**Pada ketika ini, saya belum melihat keperluan (menyertai kempen selamatkan Malaysia dan bertemu Dr Mahathir)”**

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Ketua Pembangkang

“Pada ketika ini, saya belum melihat keperluan (menyertai kempen selamatkan Malaysia dan bertemu Dr Mahathir),” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, semalam.

Elak duduk sepentas

Dr Wan Azizah tidak pernah hadir atau duduk sepentas dengan Dr Mahathir sepanjang kempen meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan dilancarkan, termasuklah ketika pengisytiharan Deklarasi Rakyat di Universiti Malaya serta Kongres Rakyat di Shah Alam, baru-baru ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau bersedia untuk berjumpa dengan Dr Wan Azizah bagi berbincang cara menyingkirkan Najib, namun Presiden PKR itu berkata perjumpaan dengan bekas Perdana Menteri itu tidak menjadi keutamaannya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, iaitu suami kepada Dr Wan Azizah pernah dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri oleh Dr Maha-

thir, selain dipenjarakan ketika era pemerintahan bekas Perdana Menteri itu.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata parti itu akan mengumumkan jumlah kerusi dan calonnya yang akan bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak, selepas pertemuan majlis presiden pakatan pembangkang yang dijangka hari ini.

“Akan diputuskan selepas perjumpaan Majlis Presiden,” katanya ketika ditanya berhubung pengumuman jumlah kerusi dan calon PKR selepas Parti Amanah Negara (PAN) dan PAS sudah mengumumkan jumlah kerusi yang akan ditandingi di PRN Sarawak.

Semalam, Timbalan Presiden PAN, Salahuddin Ayub mengumumkan parti itu akan bertanding di 13 kerusi pada PRN itu walaupun mempunyai kira-kira 1,500 ahli di negeri itu dan mesyuarat majlis presiden pembangkang belum diadakan.

Pada 12 Mac lalu, PAS mengumumkan akan bertanding di 11 kerusi pada pilihan raya berkenaan.